



Ruj. Kami : PTG/PP/AUD/206(35)

Tarikh : 08 Disember 2021

## SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan / Puan,

### ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 03/2021

#### TINDAKAN SUSULAN KE ATAS HAKMILIK PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN MUKIM YANG TELAH TAMAT TEMPOH PAJAKAN TETAPI HAKMILIK BERSTATUS DAFTAR

Arahan ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Pulau Pinang mengenai tindakan susulan ke atas hakmilik Pajak Negeri dan Pajak Mukim yang telah tamat tempoh pajakannya tetapi hakmilik masih berstatus daftar di Negeri Pulau Pinang.

2. Dimaklumkan bahawa sistem e-Tanah telah ditambahbaik dengan tambahan paparan mesej bahawa akaun cukai telah luput ke atas hakmilik tersebut dan akaun cukai yang telah luput akan terkecuali daripada cetakan bil akhir tahun di Unit Hasil. Selain itu, penambahbaikan pada integrasi sistem antara Unit Hasil dan Unit Pendaftaran telah dilakukan di mana akaun cukai akan terbatal sejeurus hakmilik yang tamat tempoh pajakan dibatalkan di Unit Pendaftaran.

3. Oleh itu, dinasihatkan supaya Unit Pendaftaran mengambil tindakan sewajarnya ke atas hakmilik-hakmilik tanah, petak atau blok sementara yang telah tamat tempoh pajakan dan berstatus daftar secara berkala. Maklumat senarai hakmilik yang telah tamat tempoh pajakan tetapi masih berstatus daftar boleh didapati melalui laporan hakmilik yang tamat tempoh pajakan di sistem e-Tanah. Selain itu, Unit Hasil dikehendaki untuk memaklumkan kepada Unit Pendaftaran di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) bagi hakmilik pajakan mukim dan Unit Pendaftaran Pejabat Tanah dan Galian (PTG) bagi hakmilik pajakan negeri untuk proses tindakan pembatalan hakmilik.

4. Unit Pendaftaran PDT dan Unit Pendaftaran PTG dinasihatkan untuk memaklumkan senarai tanah-tanah yang telah terkembali kepada Kerajaan kepada Unit Penguatkuasaan dan Teknikal di PDT yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Unit Hasil PDT dikehendaki membuat proses hapuskira ke atas jumlah cukai yang tertunggak setelah proses pembatalan hakmilik dan akaun cukai selesai dilaksanakan.

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta. Sehubungan itu, mohon jasa baik pihak tuan/puan untuk mematuhi arahan ini. Kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

## **SENARAI EDARAN**

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara  
13200 Kepala Batas  
Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah  
Jalan Betek, Sungai Rambai  
14000 Bukit Mertajam  
Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan  
14200 Sungai Jawi  
Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut  
Tingkat 51, Komtar  
10000 Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya  
11000 Balik Pulau  
Pulau Pinang

## **SENARAI EDARAN DALAMAN**

1. Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)
2. Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)
3. Ketua Unit Perancangan dan Pembangunan
4. Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal
5. Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik
6. Ketua Unit Khidmat Pengurusan
7. Ketua Unit Teknologi Maklumat
8. Ketua Unit Audit Pengurusan
9. Ketua Unit Hakmilik Strata
10. Ketua Unit Perundangan
11. Ketua Unit Hasil

KEPADA

